

## BAB 2

### TINJAUAN KAJIAN LEPAS

#### 2.1 TAKRIF BUKU TEKS

The Oxford English Dictionary (1933:239) mendefinisikan buku teks sebagai "*a book used by a standard work for the study of a particular subjects; now usually one written specially for this purpose, a manual of instruction in any science or branch of study especially a work recognized as an authority*". Cambridge International Dictionary of English pula menakrifkan buku teks sebagai "*a book that contains detailed information about a subject for people who are studying that subject*" (1995:1506) manakala Kamus Dewan (1998:184) menakrifkan buku teks sebagai buku yang digunakan oleh pelajar sebagai buku rujukan yang standard untuk sesuatu mata pelajaran tertentu.

Kamaruddin Hj. Husin (1988) menyatakan buku teks adalah buku khusus untuk menyampaikan pengetahuan-pengetahuan tertentu yang telah disediakan oleh beberapa orang penulis dan pengarang. Sementara Eunice G. Torres (1991) mendefinisikan buku teks sebagai "*teaching material are perceived to be control in class room.*" Bahagian Buku Teks (BBT), Kementerian Pendidikan (2000) pula menyatakan bahawa buku teks adalah buku konsep yang menjelaskan sesuatu konsep dan kemahiran tertentu,

menyediakan latihan bagi menguji kefahaman, dan membawa kandungan dengan pelbagai maklumat pendidikan.

Buku teks boleh didefinisikan sebagai organisasi isi atau kandungan yang telah ‘dipilih’, ‘disusun’, ‘diper mudahkan’, serta ‘boleh diajar’ kepada murid atau pelajar. Kandungan yang telah ‘dipilih’ bermaksud kandungan yang telah dipersetujui atau kandungan yang sah. ‘Disusun’ dan ‘diper mudahkan’ bermaksud kandungan yang telah dirancang dan mempunyai turutan. ‘Kandungan yang boleh diajar kepada murid atau pelajar’ bermaksud kandungan buku teks mesti memenuhi keperluan penggunaanya yang utama iaitu murid atau pelajar (Mariani Rosli;1999).

Buku teks merupakan buku khusus yang disediakan kepada pelajar mengikut mata pelajaran-mata pelajaran tertentu berpandukan Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran seperti yang telah ditetapkan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia di samping mencerminkan matlamat Falsafah Pendidikan Negara. Buku teks digunakan bertujuan membantu guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan penggunaan buku teks yang seragam di seluruh negara.

## **2.2 FUNGSI BUKU TEKS DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Kegunaan sesebuah buku secara efektif bukanlah mudah seperti yang dikatakan oleh Bacon, "sesetengah buku adalah untuk dirasa, yang lainnya untuk ditelan, dan sebahagian kecil yang lain untuk dikunyah dan dicerna" (dalam Clark dan Irving S. Star 1967:279). Oleh itu, para pelajar harus belajar menentukan buku manakah yang hanya untuk dirasa dan yang mana untuk dikunyah. Sementara guru harus tahu apakah bentuk pembelajaran yang diperlukan oleh pelajarnya. Dengan itu, buku teks dapat membantu guru dalam pemilihan kandungan isi pelajaran.

Hanafi Kamal (1985) menyatakan peranan utama buku teks ialah menyampaikan fakta dan maklumat. Sebuah buku teks merupakan bahan pembelajaran yang minima dan adalah diperlukan bagi setiap mata pelajaran yang dikenakan peperiksaan awam. Sementara itu, Hussein Hj. Ahmad (1985) telah mengemukakan tiga kesan penting dalam penggunaan buku teks di sekolah-sekolah iaitu :

- a) Menjadi sumber rujukan utama mengenai punca pengetahuan kepada pelajar di negara ini. Tanpa buku teks, guru sukar hendak mengajar

dan pelajar-pelajar juga sukar mengikuti kurikulum dengan lebih tersusun.

- b) Fakta, maklumat dan isi kandungan yang disajikan oleh penulis buku menjadi bahan utama dalam ujian dan peperiksaan.
- c) Pengaruh buku teks dalam sistem pelajaran kebangsaan yang berpusat mempunyai implikasi yang amat mendalam dari segi:
  - pembentukan dan pelaksanaan kurikulum
  - sistem ujian dan penilaian peperiksaan
  - dasar untuk melaksanakan prinsip kesamarataan peluang-peluang pendidikan kepada semua dan
  - matlamat pembentukan watak individu generasi bella.

Kamaruddin Hj. Husin (1988:181) pula mengemukakan pendapat bahawa buku teks dapat menyumbang beberapa perkara seperti berikut :

- a) Buku teks dapat menyumbang maklumat yang diperlukan oleh guru-guru. Namun begitu, bagi buku-buku teks yang telah lama diterbitkan tentulah bahan-bahan di dalamnya sedikit ketinggalan.
- b) Buku teks merupakan bahan asas yang dikaji dan dianalisis.
- c) Buku teks menyediakan contoh-contoh latihan yang berbagai-bagai bentuk dan ragam.
- d) Buku teks menyediakan soalan-soalan dalam berbagai-bagai bentuk.

Tories (1991) dalam kajiannya berkaitan kepentingan penggunaan buku teks di sekolah-sekolah luar bandar di Filipina di kalangan guru dan pelajar mengemukakan beberapa jawapan daripada pihak guru dan pelajar berkaitan pentingnya buku teks kepada mereka. Guru-guru menyatakan:

- a) Buku teks menjadikan pengajaran lebih mudah dan pelajar akan lebih bersedia untuk pelajaran hari itu berbanding jika tiada buku teks.
- b) Penggunaan buku teks menjadikan persembahan pelajaran pada hari itu lebih sistematik, topik lebih tersusun.
- c) Pelajar membuat tugas dengan lebih baik dan penyertaan pelajar dalam kelas dapat dipastikan.
- d) Buku teks boleh menguatkan corak pembelajaran pelajar kerana mereka boleh membuat rujukan mana-mana topik yang tidak difahami.

Para pelajar juga turut menyatakan pentingnya buku teks kepada mereka.

Antaranya disebabkan:

- a) Buku teks diperlukan bagi memudahkan mereka untuk membuat rujukan jika ada tugas atau kerja rumah diberikan oleh guru.
- b) Buku teks boleh dibaca di rumah untuk membuat persediaan awal bagi topik berikutnya.

- c) Pelajar tidak perlu menyalin daripada papan hijau (atau daripada alat bantu yang lain).

Tham Yoke Chun (1993) dalam kajilannya berkaitan produksi dan produk tekstual dalam buku teks Geografi di sekolah-sekolah di Singapura turut menyatakan bahawa di Singapura guru-guru secara keseluruhannya amat bergantung kepada buku teks kerana buku teks memberi panduan kepada mereka dalam apa yang mereka perkatakan di dalam kelas.

Mohd. Jonit Mohd. Johari dan Arpan Shahbuddin Latip (1995) pula mengemukakan pandangan bahawa buku teks yang baik mestilah dapat berfungsi sebagai bahan pengajaran tambahan kepada usaha pengajaran guru di samping dapat memperkuuh keyakinan para pelajar terhadap bidang ilmu pengetahuan yang dipelajari

Zulkifli A. Manaf, Shahril Marzuki dan Shahril Jamaluddin (1995) dalam Laporan Kajian Impak Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) mengemukakan bahawa 98.7% Pegawai Jabatan Pendidikan Negeri dan Pegawai Pendidikan Daerah serta 98.6% Guru Besar dan Pengetua berpendapat buku teks yang dibekalkan dapat membantu proses pengajaran. Hasilan kajian mereka juga menunjukkan 100% Kesatuan Guru bersetuju bahawa buku teks yang

dibekalkan di bawah SPBT dapat membantu proses pembelajaran di dalam kelas di samping memberikan kesan yang positif terhadap prestasi akademik.

Buku teks disediakan sebagai bahan rujukan guru. Buku teks juga digunakan sebagai bahan pembelajaran untuk murid di samping sebagai bahan membantu guru mendapatkan idea bagi menjadikan pengajaran lebih berkesan. Dalam konteks pengajaran dan pembelajaran di Malaysia, penggunaan buku teks amat dominan dan akan tetap menjadi relevan (A. Aziz Deraman:1997).

Manouchehri (1998) berpendapat "*Implicit in the design of textbook is the belief that new teaching material will facilitate the shift from an algorithmic to more conceptual approach to teaching*". Basturkaman (1999) pula menyatakan "*Textbook have major appeal in the market are indicators of teacher values for practice.*"

Buku teks amat berperanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Isi kandungannya yang sesuai dengan kandungan Sukatan Pelajaran dan Huralan Sukatan Pelajaran, banyak membantu guru untuk mengajar mengikut apa yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan. Walaupun pelaksanaan KBSM begitu mementingkan supaya guru-guru menggunakan alat bantu mengajar yang lain bagi menarik dan

menambah penyertaan pelajar dalam aktiviti di dalam kelas, buku teks masih berperanan sebagai alat bantu yang berkesan dan mudah.

Kehadiran buku teks memudahkan guru untuk tidak terlalu memikirkan apakah bentuk alat bantu mengajar yang perlu disediakannya. Buku teks amat diperlukan apabila seseorang guru tidak dapat menyediakan alat bantu atau media lain dalam membantu pengajarannya kerana untuk menyediakan alat bantu yang lain selain buku teks, persediaan yang teliti perlu dibuat. Oleh itu, dalam tempoh penyediaan alat bantu atau media pengajaran yang lain, buku teks amat diperlukan

Perkembangan teknologi baru dalam arena pendidikan menyebabkan buku teks menghadapi masa depan yang mencabar. Walaupun wujudnya kelas maya dengan penggunaan alat-alat teknologi seperti mel elektronik, CD-Rom, mesin faksimili, Internet, komputer dan sebagainya, buku teks tetap diperlukan untuk mentadbirkan sukanan dan bahan-bahan lain (Merley dan Taylor 1997:51).

Kepentingan bahan bercetak termasuk buku teks tidak boleh dipertikalkan kerana ia merupakan sumber rujukan ilmu pengetahuan, walaupun media elektronik seperti komputer juga menghasilkannya (Ahmad Jusoh 1998:41). Perkembangan teknologi maklumat dalam dunia pendidikan memungkinkan

internet menjadi buku teks pada masa hadapan (Chan Yuen Fook 1999:42). Ini kerana, sebagai bahan bercetak, buku teks juga mesti berupaya untuk sentiasa mempertingkat minat membaca di kalangan pelajar berikutan kemunculan pelbagai cabaran akibat perubahan kepada aliran ekonomi baru (Abdul Rafie Mahat:2000) seperti pengenalan buku teks elektronik (*Berita Harian*:11 April 2001).

### **2.3 KAJIAN TENTANG ANALISIS KANDUNGAN BUKU TEKS**

Sejak pelaksanaan KBSM pada tahun 1988, telah banyak kajian yang dibuat berkaitan buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah. Kajian-kajian ini meliputi hampir semua mata pelajaran yang diajar sama ada mata pelajaran teras mahupun elektif. Kebanyakan kajian memberikan tumpuan terhadap aspek kandungan buku teks sama ada dari segi persepsi guru, aktiviti dan latihan, kemahiran berfikir dengan kritis serta kemahiran belajar, aspek tatabahasa dan laras bahasa, persempahan buku teks dari segi ilustrasi dan tipografi serta reka letaknya dan tidak kurang juga kajian yang berkaitan kesilapan fakta dalam buku teks serta tahap kebolehbacaannya.

Raminah Haji Sabran dan Nuwalri Haji Khazal (1990) membuat kajian terhadap buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 1,2 dan 3* dan mereka membuat kesimpulan bahawa isi kandungan ketiga-tiga buah buku teks

berkenaan adalah memenuhi kehendak atau matlamat Sukatan Pelajaran. Aspek-aspek yang dimuatkan adalah sejajar dengan sesuatu yang dicatatkan di dalamnya. Kandungan buku-buku tersebut jelas memperlihatkan ciri-ciri pengajaran dan pembelajaran yang sewajarnya terutamanya dari segi ciri penggabungjalinan, penyerapan, kegiatan, latihan dan unsur-unsur tatabahasa yang harus dikuasai.

Walau bagaimanapun, mereka berpendapat disebabkan pelajar-pelajar di dalam sesebuah bilik darjah itu mempunyai daya pemikiran, latar belakang dan tahap penguasaan bahasa yang berbeza, maka guru tidaklah sewajarnya menggunakan sepenuhnya bahan yang disediakan dalam buku teks tersebut tanpa sebarang penyesuaian.

Kartini Baharun (1991) dalam kajiannya membuat penilaian terhadap buku teks *Geografi Tingkatan 1*. Dapatan kajian beliau menunjukkan cara bahan pembelajaran yang dipersembahkan dalam enam buah buku yang dikaji adalah menarik. Ia menggalakkan penyertaan pelajar secara aktif dalam berfikir dan bukan untuk mengingati fakta sahaja. Sebahagian besar daripada ilustrasi yang dipersembahkan adalah sesuai dari segi saiz, boleh membantu memahami teks, menarik minat pelajar dan merangsang pembelajaran.

Namun begitu, Kartini mendakwa bahawa empat daripada enam buah buku yang dikaji sahaja mencapai tahap kebolehbacaan pelajar Tingkatan 1. Buku teks berkenaan sesuai digunakan oleh pelajar-pelajar dalam lingkungan sederhana dalam kebolehan membaca. Manakala dua buah buku teks lagi hanya sesuai untuk pelajar yang lemah kerana struktur ayatnya yang mudah iaitu mengandungi lebih kurang sembilan perkataan dalam satu ayat.

Baharoldin Hassan (1993) yang membuat kajian berkaitan tanggapan guru terhadap buku teks *Sejarah Tingkatan 1 KBSM* menumpukan kajiannya kepada kekuatan dan kelemahan buku teks tersebut. Beliau membahagikan kajiannya kepada tiga komponen iaitu kesesuaian buku teks, latihan dan aktiviti dalam buku teks dan penggunaan buku teks di kalangan guru. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa guru mempunyai masalah dari segi penggunaan buku teks tersebut sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, guru-guru juga didapati kurang kemahiran untuk mengendalikan aspek latihan dan aktiviti yang terdapat dalam buku teks.

Unsur sosiobudaya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu yang terdapat dalam kandungan buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 2 KBSM* menarik perhatian Mohd. Jonit Mohd. Johari dan Abdul Rashid Ali (1993) dalam kajian mereka. Aspek sosiobudaya yang dikaji ialah sosiobudaya umum iaitu yang

berkaitan dengan amalan dan pemikiran masyarakat berbahasa Melayu di dalam dunia Melayu, aspek sosiobudaya Malaysia yang berkaitan dengan aspek-aspek unik dalam kehidupan masyarakat Malaysia dan aspek sosiobudaya sekolah yang berkaitan dengan aspek-aspek yang unik dalam persekitaran sekolah di Malaysia.

Kajian Mohd. Jonit dan Abdul Rashid mendapati jumlah tajuk isi pelajaran berdasarkan tahap kandungan sosiolobudaya meliputi antara 61% hingga 100%. Aspek sosiolobudaya umum meliputi antara 21% hingga 34.42%, manakala aspek sosiolobudaya Malaysia merangkumi antara 34% hingga 55.74%. Sosiolobudaya sekolah mencakupi hanya 6% hingga 9.84%.

Mohd. Jonit dan Abdul Rashid membuat kesimpulan bahawa pengarang tidak memberi perhatian yang lebih kepada budaya sekolah sedangkan aspek ini penting dalam mewujudkan kefahaman sosiolobudaya untuk perpaduan kaum yang bermula di sekolah. Sosiolobudaya umum hampir menyamai jumlah sosiolobudaya Malaysia yang mendapat lebih penekanan. Sepatutnya sosiolobudaya sekolah diperbanyakkan lagi, sementara sosiolobudaya umum dikurangkan.

Mohd. Jonit Mohd. Johari dan Arpan Shahbudin Latip (1995) dalam kajian lain berkaitan Kesesuaian Buku Teks Bahasa Melayu KBSM pada peringkat menengah atas membuat penyelidikan berdasarkan soalan-soalan:

- a) Sejauh manakah buku teks tersebut sesuai dengan pelajar?
- b) Sejauh manakah buku teks tersebut sesuai dengan guru?
- c) Sejauh manakah buku teks tersebut sesuai dengan sukanan pelajaran dan peperiksaan?

Mereka membuat empat rumusan daripada dapatan kajian mereka iaitu:

- a) Lebih kurang 40% daripada responden menyatakan bahawa, secara keseluruhan, buku teks yang dikaji sesuai dan sangat sesuai digunakan.
- b) Lebih kurang 55% daripada responden menyatakan bahawa buku teks yang dikaji sesuai dan sangat sesuai digunakan oleh pelajar-pelajar Tingkatan 5.
- c) Lebih kurang 32% daripada responden menyatakan bahawa buku teks yang dikaji sesuai dan sangat sesuai digunakan oleh guru-guru yang mengajar di Tingkatan 5.
- d) Lebih kurang 32% daripada responden menyatakan bahawa buku teks yang dikaji sesuai dan sangat sesuai dengan sukanan pelajaran dan peperiksaan.

Persepsi guru terhadap kandungan buku teks turut menarik perhatian beberapa pengkaji. Sarin Talib (1995) dalam kajiannya berkaitan persepsi guru Pendidikan Islam terhadap mutu buku teks *Pendidikan Islam Tingkatan 1* KBSM mendapati :

- a) 75% daripada guru menggunakan buku teks sekali seminggu sebagai bahan pengajaran
- b) 77% daripada guru mendapati kandungan buku teks tersebut sesuai dengan pelajar-pelajar berpencapaian tinggi.
- c) 76% daripada guru berpendapat buku teks berkenaan tidak sesuai dengan pelajar-pelajar bertahap rendah.
- d) 13% daripada guru menyatakan terdapat kesilapan fakta dalam kandungan buku teks tersebut.

Norazwan Yaakob (1997) turut melakukan kajian tentang persepsi guru terhadap buku teks (Bahasa Melayu, Sains dan Matematik Tingkatan 4) dengan memberi tumpuan kepada aspek peranan dan kepentingan buku teks serta penggunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, beliau turut memberikan perhatian terhadap aspek kualiti buku teks dari segi organisasi buku, aspek bahasa dan persembahan fizikal. Hasil kajian beliau

mendapati buku-buku teks yang dikaji berhasil mencernakan aspirasi Falsafah Pendidikan Negara.

Beliau bagaimanapun menyatakan masih terdapat ketidakseimbangan dalam usaha penyatupaduan antara pelbagai disiplin ilmu, antara ilmu dengan bahasa, antara kurikulum dan ko-kurikulum, antara ilmu dan kemahiran dengan nilai-nilai murni dan juga kemahiran berfikir. Namun, buku-buku teks yang dikaji mempunyai persembahan fizikal yang baik dari segi tipografi, reka bentuk, reka letak dan ilustrasi.

Chiang (1997) pula dalam kajiannya memberikan tumpuan terhadap kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh penulis-penulis tempatan dalam buku teks Bahasa Inggeris. Sementara Gunasegaran a/l Raman (1998) dalam kajiannya berkaitan pengajaran mata pelajaran Ekonomi Asas turut memberi tumpuan kepada persepsi dan penggunaan buku teks di kalangan guru-guru. Beliau mendapati buku teks tidak digunakan secara berkesan kerana masalah buku teks yang tidak lengkap. Dapatan kajian beliau menunjukkan 65.7% daripada responden menyatakan aktiviti dan latihan dalam buku teks berkenaan sesuai manakala 34.3% responden menyatakan tidak sesuai.

Kebanyakan kajian berkaitan analisis kandungan buku teks memberikan tumpuan kepada buku teks Bahasa Melayu disebabkan kepentingan mata

pelajaran berkenaan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan pelajar diwajibkan lulus dalam mata pelajaran berkenaan selain fungsi pemelajaran dan penguasaan bahasa yang dikaitkan dengan matlamat pembinaan manusia, iaitu manusia yang berilmu dan berakhlaq (Awang Sariyan:1998). Di samping itu, keadaan ini mungkin disebabkan kedudukan dan peranan Bahasa Melayu dalam pendidikan sama pentingnya dengan kedudukan Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi pentadbiran (Awang Sariyan:1985).

#### **2.4 CIRI-CIRI PENYEDIAAN BUKU TEKS YANG BAIK**

Keberkesanan bahan pengajaran yang dipersembahkan dalam sesebuah buku teks bergantung kepada kebijaksanaan penulis menyampaikan isi kandungan sesuatu mata pelajaran dengan gaya dan corak penulisan yang bersesuaian dengan tahap pelajar. Zinsser (1985) mengatakan bahawa, rahsia penulisan yang baik ialah kebolehan membahagikan setiap ayat kepada komponen-komponen yang benar-benar ‘bersih’.

Seseorang penulis yang berkebolehan harus tahu bagaimana mahu menulis ayat yang ringkas dan pendek dan bagaimana mahu ‘mencantas’ ayat yang panjang ke tahap kepanjangan yang sesuai supaya mudah dibaca.

Seorang penulis yang baik juga harus tahu bagaimana menguruskan atau mengendalikan ayat panjang sebaiknya dan menjadikannya jelas dan bertenaga ( William:1989).

Keupayaan untuk menulis dengan jelas, ayat yang segar yang tidak lebih daripada 20 patah perkataan, adalah pencapaian yang munasabah. Kita tidak boleh mengelirukan pembaca dengan perkataan-perkataan abstrak yang berlebihan, membazir dan kacau (William 1989:135) kerana penggunaan terlalu banyak perkataan abstrak akan menyusahkan pembaca.

Oleh itu, amatlah penting persempahan penulisan dalam sesebuah buku teks dilihat sebaiknya bagi menjadikannya sebuah buku teks yang benar-benar bermutu dan tidak diragui kesahannya. Persempahan sesebuah buku bukan sahaja bergantung kepada gaya penulisannya tetapi termasuk juga persempahan halaman dalam menyampaikan isi kandungannya melalui penulisan. Lee (1979) mencadangkan 9 faktor bagi menjadikan halaman sesebuah teks mudah dibaca dan difahami, iaitu :

- a) rupa taip
- b) saiz taip
- c) panjang garisan
- d) tajuk

- e) corak halaman (termasuk ruang tepi halaman)
- f) kontras taip dan kertas (termasuk warna)
- g) tekstur kertas
- h) hubungan tipografi
- i) kesesuaian dengan kandungan

Kefahaman terhadap sesebuah buku teks merupakan suatu tugas berat sebab seorang pembaca perlu menggunakan pengetahuan sedia ada untuk melakukan serentak pelbagai proses komponen dalam kefahaman bagi menghasilkan struktur-struktur kognitif atau pengetahuan baru. Penyelidikan menunjukkan bahawa setiap jenis pendekatan bahan pengajaran bercetak mempunyai ciri-ciri tersendiri yang dapat mempengaruhi penerimaan sesuatu mesej (Abdul Rahim:1996).

Cara dan gaya pereka menggunakan teknik paparan bagi menyusun sesuatu teks bercetak dapat menarik minat atau menghalang penerimaan secara efektif sesuatu mesej. Stewart (dalam Abdul Rahim Mohd. Saad:1996) menyatakan bahawa bahan bercetak yang mempunyai kesan kepada penerimaan pembaca atau pelajar, adalah bergantung kepada pemilihan jenis huruf dan susunan atau reka letak, iaitu :

a) Organisasi halaman

Mengandungi semua variabel yang terlibat dalam reka bentuk bahan bercetak seperti saiz halaman, komposisi kertas, saiz margin, dan cara teks, gambar, carta, angka, soalan, dan elemen-elemen lain yang dibentang atau dipersembahkan.

b) Format

Organisasi dan susunan teks secara menyeluruh termasuk bentuk fizikal dan susunan atau rekaletak.

c) Paparan teks

Merangkumi format dan organisasi halaman dalam rekabentuk teks dan melibatkan semua elemen gambar atau tipografi.

d) Ruang selesa

Paparan teks yang padat dan kompleks meninggalkan kesan negatif kepada motivasi dan prestasi.

e) Kepadatan maklumat dan kepadatan teks

Kepadatan maklumat ialah jumlah maklumat yang dipersembahkan dalam bahan bercetak. Contoh, analogi, penerangan lanjut, penjelasan, akan menentukan tahap-tahap kepadatan maklumat sesuatu teks.

Kepadatan teks boleh ditentukan dengan mengambil kira jumlah cetakan yang terdapat pada halaman di dalam sesuatu teks pengajaran.

Abdul Rahim Mohd. Saad (1996:68) turut mencadangkan pendekatan yang memberi tumpuan kepada dua dimensi iaitu dimensi perancangan dan dimensi pertimbangan reka bentuk sebagai pendekatan untuk merancang dan menerbitkan teks pengajaran yang berkesan. Dalam dimensi pertimbangan perancangan beliau menyatakan bahawa bahan pengajaran bercetak yang baik bermula dengan perancangan yang teliti seperti mengenalpasti kumpulan sasaran dan menentukan objektif pembelajaran yang ingin dicapai oleh para pelajar.

Manakala dalam dimensi pertimbangan reka bentuk beliau mengakui tiada peraturan yang jelas untuk menentukan cara yang paling baik bagi menyediakan bahan pengajaran bercetak yang efektif. Dalam dimensi ini aspek-aspek yang perlu diberi pertimbangan ialah organisasi halaman, isi kandungan, soalan dan kiu, stail penulisan, tipografi, saiz huruf, jenis huruf, ruangan, panjang ayat dan panjang halaman, ilustrasi dan soalan tambahan.

Dari segi stail penulisan Abdul Rahim mengemukakan cadangan (Fleming dan Levie:1978) bagi menyediakan bahan pengajaran dengan lebih berkesan:

- a) Bahagikan maklumat yang hendak dipersembahkan dalam bentuk kenyataan yang ringkas dan tepat.

- b) Pastikan bahawa tahap bacaan adalah sesuai untuk pelajar. Kenyataan atau ayat yang panjang atau perkataan yang baru akan menimbulkan masalah untuk pembaca memahaminya.
- c) Gunakan perkataan konkret dan biasa digunakan oleh pelajar dengan mengelakkan perkataan abstrak jika boleh. Jika terpaksa menggunakan perkataan abstrak, gunakan contoh yang sesuai.
- d) Beri definisi yang lengkap kepada istilah baru dan gunakan contoh-contoh yang relevan. Sementara itu, penggunaan perkataan perlu konsisten serta elakkan penggunaan perkataan yang mengelirukan.
- e) Bahagikan senarai yang panjang kepada kumpulan bagi memudahkan ingatan. Analogi visual adalah berguna bagi menjelaskan isi penting.

White (1974), Natthesan a/l Sellapan (1992), Samat Buang (1994) dan Mohd. Zubil Bahak (1997) menyatakan bahawa setiap mata pelajaran mempunyai laras bahasa yang berbeza dan mempunyai kecenderungan tersendiri. Dengan itu, sudah tentu corak dan gaya persembahan penulisan dalam buku teks adalah berbeza antara satu mata pelajaran dengan satu mata pelajaran yang lain.

Oleh itu sebelum sesebuah buku teks itu diterima untuk digunakan, beberapa kriteria untuk menilai buku teks tersebut adalah perlu. Grant (1987) menegaskan bahawa penilaian buku teks dapat dilakukan melalui tiga tahap,

iaitu penilaian pada peringkat awal (initial evaluation), penilaian terperinci (detailed evaluation) dan penilaian berterusan (in-use evaluation). Beliau turut menggariskan 8 kriteria untuk menilai sebuah buku teks iaitu:

- a) Komunikasi – Buku teks harus dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam penggunaan bahasa sebenar.
- b) Matlamat – Buku teks harus mencapai matlamat yang digariskan dalam sukanan pelajaran dan matlamat guru sebagai pengajar.
- c) Mudah diajar – Aktiviti dan tugasannya sepatutnya praktikal dan berguna bagi pelajar.
- d) Bahan tambahan – Buku teks harus menyediakan bahan-bahan tambahan, seperti buku kerja dan pita rakaman pemelajaran.
- e) Tahap – Perkataan, aktiviti dan bahan bacaan hendaklah sesuai dengan kemampuan dan kemahiran pelajar.
- f) Pandangan guru – Buku teks yang baik biasanya disukai oleh guru dan mendapat pandangan positif daripada guru.
- g) Minat pelajar – Buku teks yang berkualiti dapat meningkatkan motivasi pelajar. Hal ini terjadi kerana unsur jenaka dan keseronokan dimasukkan dalam pengajaran.
- h) Pernah digunakan dan diujji – Buku teks dikatakan lebih baik jika pernah digunakan dan terbukti keberkesanannya.

Mat Nor Hussin dan Abd. Rahman Abd. Rashid (1988) dalam kajian mereka mengemukakan beberapa kelemahan yang terdapat dalam buku teks antaranya:

- a) Menyebarkan maklumat secara terbatas.
- b) Media sehalal.
- c) Kelemahan dalam bahasa.
- d) Penerapan Ideologi pengarang.
- e) Kepercayaan sepenuhnya kepada satu sumber rujukan tidak praktikal.
- f) Guru terikat.
- g) Isi kandungan ketinggalan zaman.
- h) Fakta tidak tepat dan berat sebelah.

Sementara itu, Guzzetti, Wayne O. Williams, Stephanie A. Skeels dan Shurs Ming Wu (1997) pula dalam kajian lain mendapati para pelajar tidak berminat membaca buku teks terutamanya buku teks mata pelajaran Sains kerana ditulis dalam ayat yang sukar untuk difahami dan membosankan. Mereka hanya menggunakan buku teks apabila menerima tugasan daripada guru.

Oleh itu, sebelum sesebuah buku teks itu diterima untuk digunakan beberapa kriteria untuk menilai buku teks tersebut adalah perlu dengan

mengambil kira kelemahan-kelemahan yang dikemukakan oleh para penyelidik atau pengkaji. Noraza Ahmad Zabidi dan Fauziah Ahmad (1999) mengemukakan beberapa kriteria antaranya:

- a) Bersesuaian dengan kehendak, minat dan kebolehan guru.
- b) Bersesuaian dengan pelajar.
- c) Bersesuaian dengan keperluan peperiksaan pada peringkat permulaan.

Penyediaan sebuah buku atau teks yang baik selain bergantung kepada reka bentuk halaman dan cara persembahannya, amat bergantung kepada persembahan penulisannya. Oleh itu, peranan penulis dan penulisan amat penting. Ini kerana, penulis, pada hakikatnya lalah seorang 'guru', seorang tukang cerita yang ingin menyampaikan maklumat, keterangan, pengetahuan dan pengajaran kepada pembacanya. Dan sebagai seorang guru yang baik, dia haruslah mengambil Iktibar daripada pengalaman pensejarahan dan tamadun manusia dan menyampaikan penulisannya dalam bentuk cerita yang menarik dan memukau (Mansor Ahmad Saman 1995:61).

## **2.5 PERANAN BAHAGIAN BUKU TEKS (BBT), KEMENTERIAN**

### **PENDIDIKAN MALAYSIA DALAM PENERBITAN BUKU TEKS**

#### **YANG BERKUALITI DAN DIPERAKUKAN.**

Bahagian Buku Teks (BBT), Kementerian Pendidikan Malaysia telah ditubuhkan pada tahun 1967. Bahagian ini merupakan sebahagian daripada bahagian-bahagian dalam Jabatan Sekolah, Kementerian Pendidikan. Pada mulanya BBT diletakkan di bawah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan (BPPP) dan pada tahun 1969, pentadbiran BBT telah dipindahkan ke Bahagian Sekolah. Dua tahun kemudian BBT ditempatkan semula di bawah BPPP. Memandangkan fungsi yang dilaksanakan oleh bahagian ini semakin bertambah, pada 7 Februari 1972 BBT mula beroperasi sebagai satu bahagian tersendiri di Kementerian Pendidikan. Objektif BBT adalah seperti berikut:

- Memastikan buku teks yang diperakukan berkualiti
- Memastikan buku teks yang dipinjam di bawah Skim Pinjaman Buku Teks dibekalkan ke sekolah dalam tempoh yang ditetapkan.

Manakala fungsi utama BBT adalah seperti berikut:

- Menguruskan permerakukan buku teks.

- Menetapkan harga dan mengawal mutu fizikal buku teks.
- Melaksanakan SPBT bagi semua sekolah rendah, menengah dan sekolah menengah agama.
- Mengawal penggunaan buku teks.
- Menyemak semula buku teks.

Kandungan buku teks ditentukan oleh keperluan kurikulum secara umum, Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran mata pelajaran berkenaan yang menyatakan tajuk-tajuk, kemahiran, pengetahuan dan nilai yang mesti dipelajari oleh pelajar dan ditulis di dalam buku teks. Strategi pengajaran dan pembelajaran, keadaan bilik darjah serta pengalaman murid juga mesti diambil kira selain keperluan masyarakat dan negara yang mesti dicerminkan oleh kandungan buku teks.

Di Malaysia, buku teks masih berperanan sebagai bahan asas untuk pengajaran dan pembelajaran di sekolah. *Laporan Jawatankuasa Mengkaji Syor-Syor Laporan Kedirian 1973* mengenai pendidikan tentang telah dinyatakan dengan jelas pentingnya peranan buku teks dalam mempengaruhi pendidikan pelajar. Bersesuaian dengan hakikat ini, fungsi BBT mencakupi mengawal dan meningkatkan mutu manuskrip atau buku teks serta mengawal pembekalan buku teks ke sekolah-sekolah.

Bagi mengawal dan meningkatkan mutu manuskrip atau buku teks yang hendak diterbitkan, BBT telah menyediakan garis panduan proses kerja penerbitan. Dalam proses kerja penerbitan buku Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) kegunaan 1998 secara dalaman bagi buku dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab, BBT telah membuat persediaan awal selama 8 minggu dan mengiklankan keperluan penulis selama 4 minggu serta diikuti dengan pemilihan dan perlantikan Jawatan Kuasa Penerbitan.

Taklimat penulisan dan pemetaan bahan selama seminggu diadakan selepas itu dan penulis yang terpilih akan diberi masa selama 10 minggu untuk menyiapkan 50% manuskrip pertama sebelum menyerahkannya untuk disemak oleh panel penulis BBT dalam tempoh masa seminggu. Selepas itu, penulis dikehendaki membentulkan manuskrip yang telah disemak dan menyiapkan lagi 50% manuskrip yang belum siap dalam tempoh 10 minggu.

Manuskrip yang telah lengkap akan disemak dalam masa seminggu oleh BBT dan Jawatankuasa Penerbitan dan pembetulan manuskrip lengkap dan penyediaan manuskrip bersih akan diselia bersama oleh BBT, Panel Penulis dan Penerbit selama 7 minggu. Kerja-kerja terakhir dalam proses penulisan ialah dengan mengadakan bengkel penyemakan manuskrip bersih oleh BBT, Jawatankuasa Penerbitan dan Penerbit selama seminggu. Proses

kerja secara berperingkat ini dilakukan bagi memastikan penyediaan manuskrip bagi sebuah buku teks akan dapat disiapkan mengikut jadual.

Dil samping memastikan buku teks dapat disiapkan dan diterbitkan mengikut jadual, proses penulisan perlu diberi pemantauan dan penelitian yang terperinci bagi memastikan pemilihan dan pengesahan isi atau kandungan sebuah buku teks itu memenuhi Sukatan dan Huraian Sukatan Pelajaran. Selain itu bagi memastikan tidak ada isu-isu yang sensitif dimasukkan dalam isi kandungan buku teks tersebut bagi memelihara sensitiviti rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.